



## NOTIS MAKLUMAN

### PENAMBAHBAIKAN BORANG PERMOHONAN ATAS TALIAN BAGI PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Berkuatkuasa 22 Mei 2025, Borang Permohonan atas talian yang dimuat turun melalui sistem pembiayaan LPPSA telah dikemaskini dengan ciri-ciri terkini seperti berikut:-

1. Borang permohonan atas talian mempunyai 3 bahagian, iaitu:
  - i. Bahagian A : Maklumat Permohonan
  - ii. Bahagian B : Borang 2
  - iii. Bahagian C : Perakuan untuk semua bahagian A, B, & C, Borang Permohonan Pembiayaan Perumahan LPPSA.
2. Hanya satu (1) ruangan tandatangan sahaja untuk Pemohon dan Ketua Jabatan turunkan tandatangan.
3. Dilengkapi dengan Kod QR untuk capaian terus kepada Senarai Semak dokumen yang diperlukan untuk dihantar bersekali dengan Borang Permohonan atas talian kepada LPPSA.

Penambahbaikan kepada Borang Permohonan atas talian ini dibuat supaya ianya lebih komprehensif, mesra pelanggan dan mempercepatkan lagi proses penyediaan permohonan pembiayaan perumahan LPPSA oleh pelanggan.

Kerjasama daripada pelanggan juga diperlukan untuk memastikan **Borang Permohonan atas talian yang dikemukakan lengkap dengan tandatangan Pelanggan serta tandatangan dan Cop Rasmi Ketua Jabatan** di ruang yang disediakan bagi mengelakkan permohonan dikuiiri dan seterusnya melancarkan proses kelulusan pembiayaan.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**29 MEI 2025**